



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 4/1976**

*Memaksa Penyerahan Sesuatu Dokumen Untuk Pendaftaran
Suratcara Urusan*

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pendaftar-pendaftar Hakmilik dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah mengenai tindakan yang perlu diambil apabila seseorang atau sesuatu pertubuhan sengaja tidak mahu mengemukakan sesuatu dokumen yang diperlukan untuk pendaftaran suratcara urusan.

2. Seksyen 299(1) Kanun Tanah Negara memperuntukkan bahawa jika sesuatu suratcara itu sesuai didaftarkan setapi ianya tidak disertakan dengan mana-mana dokumen yang diperlukan dibawah seksyen 294(2) Kanun Tanah Negara. Pendaftar hendaklah mengambil tindakan yang difikirkan sesuaisupaya dokumen yang dikehendaki itu diserahkan. Di bawah seksyen 15(1) Kanun Tanah Negara, Pendaftar boleh menggunakan kuasa-kuasa yang diberi kepadanya di bawah Kanun Tanah Negara.

3. Dengan itu, Pendaftar boleh menggunakan kuasa-kuasa yang diberi di bawah seksyen 15(1)(e), iaitu, ia bolehlah dengan menggunakan borang 1^o meminta seseorang atau sesuatu pertubuhan yang enggan mengemukakan dokumen yang dikehendaki supaya mengemukakan untuk diperiksa bagi tujuan-tujuan pendaftaran suratcara urusan di bawah seksyen 294(2).

4. Seksyen 15(1)(g) seterusnya memberi kepada Pendaftar sepenuhnya kuasa-kuasa yang diperlukan untuk melaksanakan kehendak-kehendak Kanun Tanah Negara. Dengan itu, Pendaftar bolehlah mencatatkan ingatan pada dokumen sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 305(1)(b) Kanun tanah Negara jika ia berpuashati tindakan itu adalah sesuai diambil selepas memeriksa dan mengadakan siasatan yang diperlukan terhadap dokumen yang diperolehi di bawah seksyen 15(1)(e).

5. Pendaftar-pendaftar dan Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dengan ini dinasihatakan supaya mengambil perhatian mengenai tindakan yang perlu diambil sebagaimana yang dinyatakan di atas.

DATO' ABDUL MANAF BIN MOHD. NOR,
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan*

P.T. TM 95/70 SK 11

Kuala Lumpur,
April, 1976